

PM bercuti ke Sepanyol, Musa Pemangku

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bercuti rehat di Sepanyol dan Portugal mulai esok hingga 15 September ini.

Katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di pejabatnya di sini hari ini, Datuk Musa Hitam akan memangku jawatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, tambahnya, beliau akan sentiasa berhubung dengan Datuk Musa dan mengharapkan Timbalannya akan mengendalikan segala urusan negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang kelihatan riang dan sihat, juga menegaskan secara berjenaka: "Jangan kata saya pergi kerana saya pitam tempohari. Itu kerana tidak cukup tidur.

"Sekarang saya sudah merasa lega dan sewaktu saya berkunjung ke Thailand baru-baru ini pun tidak ada apa-apa terjadi."

Perdana Menteri yang akan disertai oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, dijangka menjadi tetamu Perdana Menteri Portugis dan makan tengahari bersamanya sewaktu berada di Portugal kelak.



■ **PERDANA** Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Musa Hitam di sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia